

# Menteri bidas pendakwah buat tuduhan terhadap PM

Huraian terhadap kisah Ashabul Kahfi tepat seperti rujukan sumber tafsir

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menyuarakan kekesalan terhadap kegopohan seorang pendakwah yang didakwanya berbahasa kasar dan membuat tohmahan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai sesat serta jahil.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, menyifatkan tuduhan itu sangat ekstrem dan keterlaluan, hakikatnya Perdana Menteri tidak menyatakan pemuda Ashabul Kahfi itu sebagai golongan tidak beriman.

Beliau berkata, Perdana

Menteri dalam ucapannya juga mengajak penjawat awam mengambill iktibar daripada kisah terbabit serta mengajak seluruh rakyat agar menjadi warga negara yang berprinsip selaras dengan dasar kebenaran dan keadilan dalam kehidupan berpandukan keteguhan keyakinan pemuda al-Kahfi.

Katanya, huraian terhadap konteks peristiwa itu juga adalah tepat seperti rujukan sumber tafsir dan tulisan ilmiah di mana kisah Ashabul Kahfi berlaku pada zaman pemerintahan kaum Nasrani atau Kristian.

"Ia juga selari seperti penje-

"Pendakwah perlu menghayati nilai hikmah demi memelihara kemaslahatan perpaduan masyarakat yang berakhlak, bersatu padu dan sejahtera"

*Dr Mohd Na'im Mokhtar,  
Menteri di Jabatan Perdana  
Menteri (Hal Ehwal Agama)*

lasan dibuat Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dalam isu pemuda Al-Kahfi yang boleh dirujuk kepada Irsyad Al-Hadith Siri ke-50: Kisah dan Bilangan Ashabul Kahfi pada April 2016 dan Bayan Linnas Siri ke-286: Adakah Ashab al-Kahfi Beragama Kristian? Disember 2023," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

## Rujuk pihak berkuasa

Terdahulu tular di media sosial seorang penceramah terkenal dari Terengganu mengupas ucapan Anwar berkaitan tujuh pemuda Ashabul Kahfi ketika

menyampaikan ucapan pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) minggu lalu.

Mohd Na'im menggesa umat Islam negara ini agar sentiasa merujuk isu dan permasalahan keagamaan kepada pihak berkuasa agama Islam seperti pejabat atau Jabatan Mufti Negeri-Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri yang berautoriti dalam perkara berkaitan.

Menurutnya, agamawan di negara ini juga dinasihatkan agar bersikap cermat, memelihara adab dalam menyampaikan dakwah, tawaduk dalam menyebarkan risalah agama agar tidak terjebak dengan penyakit takbur dengan ilmu yang dimiliki.

Katanya, pendakwah perlu menghayati nilai hikmah demi memelihara kemaslahatan perpaduan masyarakat yang berakhlak, bersatu padu dan sejahtera.

"Sebarang ucapan dan ceramah yang berbaur sentimen perpecahan dan kebencian sesama sendiri adalah perlu dihentikan," katanya.

